

Harapan cerah BN di Kelantan

Utusan Online

14 APRIL 2013

PASIR MAS 13 April - Barisan Nasional (BN) tidak boleh mengulangi kesilapan yang berlaku dalam Pilihan Raya Umum 2004 apabila beberapa kesilapan terutama dalam soal calon menyebabkan parti itu gagal memerintah Kelantan dengan perbezaan dua kerusi.

Pengerusi Pusat Khidmat Membela Rakyat (PKMR) Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali berkata, soal calon sangat kritikal untuk memastikan kemenangan BN dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) ini memandangkan sokongan rakyat yang semakin bertambah.

Sehubungan itu, beliau yakin Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Tun Razak akan kekal dengan keputusan meletakkan calon boleh menang untuk bertanding di Kelantan dan tidak terpengaruh dengan usaha mana-mana pemimpin yang melobi untuk dicalonkan.

"Saya percaya peristiwa dan pengalaman 2004 tidak akan berulang lagi dan atas dasar Najib menyebut bahawa calon itu adalah yang boleh menang jadi daripada segi prinsipnya calon itu mestilah mengikut kawasan masing-masing.

"Jadi sudah tentu BN ada harapan cerah untuk berkuasa di Kelantan, jangan seperti pengalaman dulu menjadi 'pisang berbuah dua kali', maknanya sudah hampir menang tetapi bila ada pemimpin mempengaruhi maka keputusan yang dibuat sepatutnya untuk menang jadi kalah," katanya ketika ditemui pada Program Mari Memancing Bersama Tok Him di Mukim Teliar di sini hari ini.

Sementara itu, Ibrahim yang sebelum ini merupakan Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) telah bercuti daripada jawatan itu kerana memberikan komitmen untuk beliau bertanding pada PRU-13 ini.

Beliau bagaimanapun, masih bermain teka-teki mengenai kedudukannya dalam PRU-13 ini sama ada akan bertanding sebagai Bebas sahaja atau pun calon Bebas yang menggunakan simbol parti politik.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini menyatakan sokongan beliau sekiranya Ibrahim bertanding mewakili BN kerana percaya pemimpin itu mampu memberi kemenangan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130414/px_16/Harapan-cerah-BN-di-Kelantan#ixzz2a01n3a1U

© Utusan Melayu (M) Bhd